



**SIARAN MEDIA**  
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008**

## **16,500 BENDERERA SEMPENA KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG BAGI SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2022**

**PUTRAJAYA, 19 JULAI 2022** – Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) , YBhg Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud hari ini menyempurnakan penyerahan Jalur Gemilang kepada wakil komuniti Putrajaya pada Majlis Penyerahan Jalur Gemilang bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Dan Hari Malaysia 2022 bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Sebanyak 11,200 Jalur Gemilang diserahkan kepada enam (6) Sub Zon Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya (MPPWP Putrajaya), 70 buah persatuan penduduk dan 27 buah sekolah-sekolah Putrajaya dengan kesemua wakil penerima akan menerima Bendera Malaysia yang siap sedia untuk dikibarkan sebagai simbolik penyerahan.

Pada masa yang sama, PPj juga turut mengumumkan Pertandingan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya yang akan bermula pada 20 Julai hingga 16 September 2022. Terdapat tiga (3) kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya yang melibatkan 5 sub zon, kategori Persatuan Penduduk Wilayah Putrajaya yang melibatkan 15 persatuan dan kategori sekolah-sekolah Wilayah Putrajaya yang melibatkan 27 buah sekolah di Putrajaya.

Penyerahan dan penganjuran pertandingan merupakan usaha PPj untuk memupuk lagi semangat patriotik warga Putrajaya dan menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan pada kali ini bertepatan dengan tema “Keluarga Malaysia Teguh Bersama” ini dengan penyertaan melibatkan semua lapisan masyarakat di Putrajaya. Di samping itu, menambahkan keceriaan dengan kibaran Jalur Gemilang di jalan-jalan utama dan persekitaran kediaman warga Putrajaya.

## *Samb. Siaran Media:*

**PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj) SERAH 11,200 JALUR GEMILANG  
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2022**

---

Kerja-kerja menghias dan pemasangan bendera Malaysia akan bermula pada 20 Julai sehingga 16 September 2022 dan penjurian akan bermula pada 22 Ogos sehingga 30 Ogos 2022. Pertandingan ini juga melibatkan kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri.

PPj juga mula mamasang sebanyak 4,400 jalur gemilang di tiang-tiang lampu, taman-taman awam serta premis milik PPj (kompleks kejiranan, medan selera, dewan, perpustakaan) bermula 15 Julai 2022.

**(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Julai 2022

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346